

Headline **Idam hadiah Toyota Camry dapat tilam**
Date **02 Apr 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **27**
Article Size **408 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,064**
PRValue **24,192**



Idam hadiah Toyota Camry dapat tilam

NORAZLITA MOHD. SIES



ENTAH ayat apa yang digunakan sehingga menyebabkan seorang wanita warga emas percaya bahawa dia tiba-tiba telah memenangi sebuah kereta Toyota Camry.

Bukan setakat percaya, muslihat dua perempuan terbabit juga telah mendorong suri rumah berusia 60 tahun itu berusaha mengeluarkan RM30,000 daripada simpanan berjumlah ratusan ribu.

Malah bukan daripada satu akaun simpanan sahaja yang dikeluarkan pada 17 Februari lalu tetapi tiga akaun simpanan 'dikorek' semata-mata untuk mencukupkan wang di tangan.

Apabila cukup wang dikeluarkan daripada akaun Tabung Haji, Bank Rakyat dan Bank Islam, barulah puas hatinya demi memenuhi kehendak dua perempuan terbabit.

Meskipun curiga, alasan yang diberi oleh kedua-dua perempuan itu berjaya

mengaburi matanya yang sudah membayangkan kerusi empuk ketika memandu kereta dari negara Jepun itu.

Kedua-dua wanita itu juga mendakwa wang tersebut kononnya bagi menampung kos iklan dalam surat khabar bagi mengumumkan kemenangan tersebut.

Setelah wang diserahkan, alangkah terperanjat diberitahu oleh pekerja pejabat berkenaan bahawa hadiah yang dimenangi bukan sebuah kereta sebaliknya tiga tilam jenama Diamond dan barangan lain.

Kereta yang diidamkan, tilam yang diperoleh. Langsung tidak berbaloi dengan wang puluhan ribu yang diberikan.

Lalu terbit rasa penyesalan di hati warga emas itu setelah merasakan dirinya diperdaya.

Selepas mendengar penjelasan daripada pekerja syarikat terbabit, wanita itu meminta wangnya dikembalikan kerana tidak mahu menerima barangan yang 'dimenangi'.

Namun jawapan yang diterima amat mengecewakan. Petugas

syarikat yang beroperasi di Kepong itu mendakwa ibu pejabatnya sudah tutup!

Lantas mereka segera memasukkan barang-barang dimenangi ke dalam kereta mangsa.

Walaupun cuba dihalang, kudrat tuanya tidak mampu melawan. Sebaliknya dia hanya terkesima dan membiarkan mereka memperlakukan dirinya sedemikian rupa.

Merasakan dirinya menjadi mangsa penipuan, dia telah membuat laporan polis di Balai Polis Jinjang pada

pukul 11.19 malam hari yang sama.

Selain itu, dia turut memanjangkan tuntutan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) di ibu negara dalam permohonan yang difailkan pada 18 Februari lalu.

Tuntutannya didengar di tribunal tersebut baru-baru ini dan dia berpuas hati dengan keputusannya.

Ini kerana Presiden TTPM terbabit, M. Suppiah mengeluarkan

Headline **Idam hadiah Toyota Camry dapat tilam**
Date **02 Apr 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **27**
Article Size **408 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **8,064**
PRValue **24,192**

arahan supaya syarikat terbabit memulangkan wang RM25,000 kepadanya dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah itu diserahkan.

Suppiah turut mengarahkan agar pemohon memulangkan semula tilam tersebut kepada syarikat terbabit selepas menerima bayaran penuh kelak.

Sebelum pemohon melangkah keluar, Presiden TTPM itu sempat menasihati wanita itu agar membawa anak lelaki untuk menemaninya ketika pergi ke bank memandangkan kejadian seumpama itu acap kali berlaku pada masa kini.



TOYOTA CAMRY